

BAH

Mahathir - Perusahaan

PELABUR, PENGURUS DAN PEKERJA HARUS MAIN PERANAN, KATA DR MAHATHIR  
KEMAMAN, 26 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir  
Mohamad berkata, pelabur, pihak pengurusan dan pekerja harus menjalankan  
peranan masing-masing tanpa mempertikaikan siapa antara mereka yang lebih  
penting, yang akhirnya dapat menentukan kejayaan satu-satu perusahaan itu.

Sebenarnya, kata beliau, ketiga-tiga pihak itu sama penting, dengan  
satu pihak bergantung kepada pihak yang lain.

Dalam pada itu, tambahnya, sesuatu perusahaan itu boleh berjaya dengan  
adanya kecekapan pada ketiga-tiga pihak itu -- pelabur cekap menentukan  
potensi pelaburannya, pengurusan cekap menguruskan kerja dan dapat  
memaksimumkan hasil kerja manakala pekerja pula perlu bekerja keras.

"Alhamdulillah, di negara kita ada peranan dan tanggungjawab daripada  
semua pihak dengan masing-masing memberi tumpuan kepada tugas dan  
tanggungjawab mereka," katanya ketika merasmikan kilang perabot pasang siap  
Pesama-MK Furniture Sdn Bhd, di sini.

Kilang itu ialah usahasama antara Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri  
Terengganu dan sektor swasta. Setakat ini, ia telah berjaya mengeluarkan  
perabot yang nilai jualannya ialah RM450,000 sebulan. -- lagi.

▼26/08/18-24MST

U GB 26-08 00160 BH875

BAH

Mahathir - Perusahaan 2 Kemaman

Yang tidak kurang penting, kata Dr Mahathir, ialah kestabilan politik  
dan tiadanya rusuhan yang boleh menimbulkan kebimbangan para pelabur.

Selain itu, katanya, jarang ada tindakan perusahaan daripada pekerja  
dan pekerja pula bekerja dengan baik, berdisiplin dan penuh minat hingga  
dapat mengeluarkan hasil yang tinggi.

Bagaimanapun, kata Dr Mahathir, mereka tidak boleh berpuas hati dengan  
kejayaan yang ada kerana dunia kini semakin maju.

"Kita kena tingkatkan kenupayaan kita sama ada melalui tambahan  
pelaburan, penggunaan jentera-jentera yang lebih moden dan sofistikated  
serta susunan kerja yang lebih berkesan," katanya.

Malangnya, ada sesetengah pemimpin kesatuan sekerja yang meminta para  
pekerja menuntut upah yang tinggi tanpa membandingkan nasib pekerja di sini  
dengan para pekerja negara lain.

Dalam hal itu, ada pekerja dari jabatan yang telah diswastakan yang  
masih tidak puas hati dengan upah mereka sedangkan mereka mendapat faedah  
yang lebih berbanding ketika masih dalam jabatan kerajaan. -- lagi.

▼26/08/18-32MST

CNS9505

U GB 26-08 00090 BH876

BAH

Mahathir - Perusahaan 3 (Akhir) Kemaman

Yang turut hadir ialah Menteri Besar, Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad,  
Menteri Perusahaan Awam, Datuk Dr Yusof Nor, Menteri Penerangan, Datuk  
Mohamed Rahmat dan pengurus Persama-MK Furniture, Datuk Haji Hamzah  
Mohamed.

Pada persidangan akhbar kemudian, Dr Mahathir memuji langkah kilang  
yang terlibat dalam industri hiliran perkayuan dengan satu-satu barangan  
asas itu diberi nilai tokok.

"Inilah yang kita hendak daripada hanya mengeksport balak atau kayu  
bergaji yang lebih bersifat primitif," katanya. -- Bernama.

AWA KAM.

▼26/08/18-35MST